

**PROGRAM PENEMPATAN SEMULA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN BERSEPADU GANA (GRID):
IMPLIKASI KEPADA ASET PENGHIDUPAN
PENDUDUK**

ROBEN WELL

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
SASTERA**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **IMPAK PENEMPATAN SEMULA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN BERSEPADU GANA (GRID): IMPLIKASI KEPADA ASET PENGHIDUPAN PENDUDUK**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

Saya, **ROBEN WELL** , Sesi 2015-2019 mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




ROBEN WELL
MA 1511090 T

TARIKH : **9 OGOS 2019**

PERPUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



(Tandatangan Pustakawan)
NORAZLYNNE MORD. JOHAN @ JAC. LYNE
PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


(Dr. Ubong Imang)
Penyelia



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

07 Mac 2019



Roben Well
MA 1511090 T

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PENGESAHAN


NAMA : **ROBEN WELL**
NO MATRIK : **MA1511090T**
TAJUK : **PROGRAM PENEMPATAN SEMULA PENDUDUK DAN
PEMBANGUNAN BERSEPADU GANA (GRID):
IMPLIKASI KEPADA ASET PENGHIDUPAN PESERTA**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**
TARIKH VIVA : **27 JUN 2019**

DISAHKAN OLEH:

PENYELIA UTAMA

Dr Ubong Imang

Tandatangan



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana di atas berkatnya yang tidak terhingga, sehingga saya dapat menyiapkan tesis sarjana ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr. Ubong Imang yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan sepanjang proses penulisan tesis ini.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah program Geografi yang pernah memberikan perkongsian ilmu dalam menjalankan kajian ini. Sesungguhnya, tanpa tunjuk ajar mereka, kajian ini tidak akan dapat disiapkan dengan sempurna. Seterusnya, dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penduduk Kampung Gana dan Jabatan Perhutanan Cawangan Gana yang banyak membantu dan meluangkan masa bersama saya untuk memberikan maklumat bagi menyiapkan kajian ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga saya yang banyak membantu dan memberikan dorongan terutama ibu dan mendiang bapa saya serta adik beradik saya. Seterusnya, kepada rakan-rakan yang banyak membantu iaitu Abang Adi, Ryan, Roy dan Andrew. Sesungguhnya anda semua banyak berjasa kepada saya dan hanya Tuhan mampu membalas jasa kalian. Terima Kasih.

Roben Well

7 Mac 2019



ABSTRAK

Penempatan semula penduduk merupakan salah satu program yang dilaksanakan untuk memajukan kawasan luar bandar di kebanyakan dunia. Di Malaysia terdapat beberapa program penempatan semula penduduk yang dilaksanakan seperti FELDA, Rancangan Pengumpulan Orang Asli dan Penempatan Semula Empangan Bakun telah memberikan impak kepada penduduk yang terlibat. Selaras dengan trend global pada masa kini yang menekankan kepada pembangunan mampan, terdapat keperluan untuk menilai impak pelaksanaan sesebuah program penempatan semula penduduk. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menilai implikasi GRID kepada aset penghidupan peserta. Terdapat tiga objektif telah digariskan iaitu mengenal pasti aktiviti sosioekonomi peserta sebelum dan selepas pelaksanaan GRID, menganalisis impak GRID kepada aset penghidupan peserta dan mencadangkan langkah untuk memperkasa aset penghidupan peserta. Seterusnya, pendekatan kajian kuantitatif dan kualitatif telah digunakan dengan data dicerap menggunakan borang soal selidik, temu bual, dan pemerhatian. Seramai 103 orang responden telah terlibat yang terdiri daripada ketua keluarga dan mempunyai pengalaman hidup di kampung asal dan GRID. Selanjutnya, data kuantitatif dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dengan data dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, min dan graf. Manakala, data kualitatif dianalisis menggunakan kaedah analisis naratif. Hasil kajian mendapati setelah peserta berpindah ke GRID aktiviti bukan pertanian menjadi aktiviti yang semakin penting dan aktiviti pertanian tetap menjadi aktiviti utama mereka di kedua-dua kawasan. Seterusnya, impak positif yang ketara ialah impak kepada aset fizikal seperti penyediaan kemudahan infrastruktur yang konsisten dan impak kepada aset manusia seperti peningkatan taraf pendidikan golongan muda. Selain itu, program GRID telah mendatangkan impak negatif kepada aset semula jadi seperti kehilangan akses sumber hutan dan pemilikan tanah. Secara keseluruhannya, penggunaan *Sustainable Livelihood Approach (SLA)* untuk mengenal pasti impak penempatan semula telah membantu untuk melihat impak GRID terhadap aset penghidupan peserta secara menyeluruh.

ABSTRACT

GANA RESETTLEMENT AND INTEGRATED DEVELOPMENT (GRID) PROGRAM: IMPLICATIONS TO PARTICIPANTS LIVELIHOOD ASSET

The resettlement of the population is one of the programs implemented to develop the rural area in most of the world. In Malaysia, several resettlement programs have implemented such as FELDA, Orang Asli Gathering Plan, and the resettlement of Bakun Dam has given impact to the affected population. In line with the current global that emphasizes sustainable development, there is a need to evaluate the impact of the implementation of a resettlement program. Therefore, this study aimed to evaluate the implications of the GRID program to the participant's livelihood assets. To achieve the purpose of the study, three objectives have been outlined, first to identifying the socio-economic activities of the participants before and after the implementation of GRID, analyzing the impact of GRID on the participant livelihood asset and proposing the measure to strengthen participant livelihood assets. This study using quantitative and qualitative methods with data collected through questionnaire form, interviews and observations. A total of 103 respondents involved consisting of family heads and experienced living in their old village and GRID. Other than that, the quantitative data analyzed using descriptive statistics method with the data presented in the form of frequency, mean and graph. Whereas, the qualitative data analyzed using the narrative analysis methods. The results showed that after the participants moved to GRID the non-agricultural activities became more important and the agricultural activities remained their main activity in both areas. Furthermore, the finding also shows the positive impact on physical assets such as the provision of consistent infrastructure facilities and the impact on human assets such as improving the education of young people. On the other hand, the GRID Program also has given a negative impact on natural assets such as loss of access to forest resources and land ownership. Overall, the use of the Sustainable Livelihood Approach (SLA) to identify resettlement impacts has helped to see overall the GRID's impact on the participants' to the livelihood assets.



ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI FOTO	xiv
SENARAI ISTILAH	xv
SENARAI FORMULA	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan kajian	3
1.3 Persoalan kajian	6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Skop kajian	7
1.6 Kepentingan kajian	8
1.7 Hala tuju penulisan	9
1.8 Kesimpulan	10



BAB 2 : PENEMPATAN SEMULA PENDUDUK DAN ASET PENGHIDUPAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Definisi dan konsep	12
	2.2.1 Penempatan semula penduduk	12
	2.2.2 Kelestarian penghidupan dan aset penghidupan	13
2.3	Program dan kesan penempatan semula penduduk	22
	2.3.1 Garis panduan penempatan semula penduduk	22
	2.3.2 Program penempatan semula penduduk di Malaysia	32
2.4	Kesan program penempatan semula penduduk	34
2.5	Pelan Induk Pembangunan Luar bandar Negara	39
2.6	Kerangka konseptual	42
2.7	Kesimpulan	44

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Pendekatan kajian	45
3.3	Proses kajian	46
3.4	Latar belakang kawasan kajian	49
3.5	Teknik pengumpulan data	50
	3.5.1 Data primer	51
	3.5.2 Data Sekunder	58
3.6	Kaedah analisis data	59
3.7	Kesimpulan	61

BAB 4: IMPAK PROGRAM PETEMPATAN SEMULA DAN PEMBANGUNAN BERSEPADU GANA (GRID) KEPADA ASET PENGHIDUPAN PENDUDUK GANA	
4.1 Pengenalan	62
4.2 Perkembangan Program Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID)	63
4.3 Latar belakang responden	68
4.4 Perubahan aktiviti sosioekonomi peserta sebelum dan selepas pelaksanaan GRID	71
4.4.1 Aktiviti pertanian	71
4.4.2 Aktiviti mengambil hasil hutan	75
4.4.3 Aktiviti memburu	77
4.4.4 Aktiviti penternakan	79
4.4.5 Aktiviti bukan pertanian	80
4.4.6 Kebergantungan Kepentingan Kepada Aktiviti Sosioekonomi	83
4.5 Impak Program Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID) kepada aset penghidupan peserta	86
4.5.1 Impak kepada aset manusia	86
4.5.2 Impak kepada aset sosial	95
4.5.3 Impak kepada aset semula jadi	97
4.5.4 Impak kepada aset fizikal	101
4.5.5 Impak kepada aset kewangan	112
4.6 Harapan peserta GRID untuk meningkatkan aset penghidupan	115
4.7 Kesimpulan	119

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	120
5.2	Aktiviti sosioekonomi peserta sebelum dan selepas pelaksanaan GRID	120
5.3	Impak pelaksanaan GRID kepada aset penghidupan peserta	122
5.4	Cadangan langkah pemantapan peserta untuk meningkatkan aset penghidupan	127
5.5	Implikasi kajian	129
5.6	Limitasi kajian	129
5.7	Cadangan kajian masa hadapan	130
5.8	Rumusan	131

RUJUKAN	133
----------------	-----

LAMPIRAN	139
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Pengelasan aset penghidupan	20
Jadual 2.2 : Garis panduan penempatan semula penduduk mengikut ADB	24
Jadual 2.3 : Tujuh teras pembangunan luar bandar negara	39
Jadual 3.1 : Struktur borang soal selidik	51
Jadual 3.2 : Pecahan responden mengikut kampung	54
Jadual 3.3 : Jadual pengumpulan data soal selidik	56
Jadual 3.4 : Senarai responden yang di temu bual	57
Jadual 3.5 : Interpretasi min mengikut skor	59
Jadual 3.6 : Analisis data mengikut objektif	60
Jadual 4.1 : Peranan mengikut agensi dalam GRID	64
Jadual 4.2 : Jenis pekerjaan utama dan sampingan responden	69
Jadual 4.3 : Jumlah pendapatan utama isi rumah responden	70
Jadual 4.4 : Kekerapan mengambil hasil pertanian dalam setahun	73
Jadual 4.5 : Kegunaan utama hasil pertanian	74
Jadual 4.6 : Kekerapan mengambil hasil hutan	75
Jadual 4.7 : Kegunaan utama hasil hutan	76
Jadual 4.8 : Kegunaan utama hasil memburu	78
Jadual 4.9 : Jumlah peserta yang bekerja dengan Projek Perhutanan Sosial Gana	82
Jadual 4.10 : Perbandingan akses kemudahan kesihatan	89
Jadual 4.11 : Pemilikan kemahiran responden	92
Jadual 4.12 : Penglibatan mengikut organisasi	96
Jadual 4.13 : Jumlah keluasan pemilikan tanah di kampung asal	97
Jadual 4.14 : Jumlah dan status pemilikan tanah setelah berpindah ke GRID	98
Jadual 4.15 : Perbandingan penyediaan kemudahan asas di kampung asal dan GRID	102
Jadual 4.16 : Perbandingan penyediaan kemudahan sosial di kampung asal dan GRID	108



Jadual 4.17	: Pemilikan aset di kampung asal dan GRID	109
Jadual 4.18	: Perbandingan pemilikan rumah di kampung asal dan GRID	111
Jadual 4.19	: Struktur binaan rumah di kampung asal	112
Jadual 4.20	: Perincian bentuk bantuan yang diterima oleh peserta GRID	113
Jadual 4.21	: Cadangan langkah memperkasa aset penghidupan peserta	116
Jadual 5.1	: Impak GRID Kepada Aset Penghidupan Peserta	123

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Bentuk penempatan semula penduduk	12
Rajah 2.2 : Kerangka kerja kelestarian hidup (<i>sustainable livelihood</i>)	18
Rajah 2.3 : Aset penghidupan	19
Rajah 2.4 : Kerangka konseptual	43
Rajah 3.1 : Carta aliran proses kajian	47
Rajah 3.2 : Kedudukan penempatan semula kampung Gana	49
Rajah 3.3 : Pelan Penempatan Semula Kampung Gana	50
Rajah 4.1 : Agensi dan peserta yang terlibat dalam GRID	63
Rajah 4.2 : Program pembangunan sosioekonomi	65
Rajah 4.3 : Jumlah responden mengikut tahap pendidikan	68
Rajah 4.4 : Aktiviti mengambil hasil hutan	75
Rajah 4.5 : Aktiviti memburu	77
Rajah 4.6 : Kekerapan memburu dalam sebulan	77
Rajah 4.7 : Aktiviti penternakan	79
Rajah 4.8 : Kebergantungan kepentingan aktiviti sosioekonomi di kampung asal dan GRID	83
Rajah 4.9 : Penyertaan kursus kemahiran	90
Rajah 4.10 : Penglibatan dalam organisasi atau persatuan	95
Rajah 4.11 : Jumlah responden yang menerima bantuan di kampung asal dan GRID	113
Rajah 4.12 : Tabungan peserta GRID	115

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 4.1 : Kawasan penanaman padi sawah yang dijalankan peserta GRID	72
Foto 4.2 : Kawasan tanah bukit yang dibangunkan untuk penanaman getah	73
Foto 4.3 : Aktiviti kedai runcit yang dijalankan oleh responden	81
Foto 4.4 : Tamu mingguan kampung gana	81
Foto 4.5 : Jalan raya ke kawasan grid sebelum di naik taraf	103
Foto 4.6 : Akses jalan raya ke GRID setelah projek naik taraf jalan Talantang – Gana siap dilaksanakan	103
Foto 4.7 : Laluan jalan raya untuk ke rumah peserta GRID	104
Foto 4.8 : Laluan jalan raya untuk ke rumah peserta GRID	104
Foto 4.9 : Menara pencawang Maxis yang tidak di selenggara	105
Foto 4.10 : Loji air yang belum beroperasi	105
Foto 4.11 : Sekolah Kebangsaan Gana	106
Foto 4.12 : Kemudahan Klinik Desa Gana	107

SENARAI ISTILAH

GRID	Gana Resettlement And Integrated Development
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
LIGS	Lembaga Industri Getah Sabah
SFD	Sabah Forestry Department



SENARAI FORMULA

Halaman

Penentuan Saiz Sampel:

$$n = \frac{N}{(1 + Ne)^2}$$

Di mana, n = saiz sampel, N = saiz populasi dan e= *error*

53

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Surat Memohon Kebenaran Dan Soalan Temu Bual	139
Lampiran B: Borang Soal Selidik	140



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada masa kini pembangunan luar bandar merupakan satu isu yang sering menjadi perdebatan di peringkat global. Perdebatan tersebut sering berkaitan dengan penduduk terlibat, pihak pemerintah dan alam sekitar di sesebuah kawasan. Pembangunan dalam skala yang besar terutama di kawasan luar bandar seperti pembinaan empangan, pewartaan hutan simpan dan pembangunan untuk kawasan pertanian telah mewujudkan satu fenomena iaitu penempatan semula penduduk. Pelaksanaan sesebuah program penempatan semula merupakan satu perancangan daripada pihak yang mentadbir sesuatu kawasan untuk membangunkan satu penempatan yang baru untuk penduduk yang terlibat dalam pembangunan.

Di peringkat global, terdapat beberapa program penempatan semula telah dijalankan untuk memindahkan penduduk. Antara contoh program penempatan semula yang telah dijalankan ialah penempatan semula pelarian oleh UNCHR. Penempatan tersebut telah memberikan beberapa cabaran kepada peserta yang terlibat kerana mereka perlu beradaptasi dengan tempat baru seperti budaya, bahasa dan sosial yang sangat berbeza dengan tempat asal mereka. Selain itu, negara-negara asia juga tidak ketinggalan untuk menjalankan penempatan semula penduduk seperti negara Indonesia telah melakukan penempatan semula penduduk seperti di Banda Aceh Indonesia untuk memindahkan penduduk yang terkesan akibat bencana Tsunami pada tahun 2004.



Seterusnya, di peringkat negara Malaysia terdapat beberapa program penempatan semula penduduk yang telah dilaksanakan untuk membangunkan penduduk di kawasan luar bandar. Penempatan semula FELDA dan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli merupakan antara penempatan semula yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan membangunkan sosioekonomi penduduk di kawasan luar bandar. Manakala, dalam konteks Sabah pula juga tidak ketinggalan untuk menjalankan program penempatan semula penduduk bagi membantu membangunkan kawasan luar bandar. Terdapat beberapa agensi yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program tersebut seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan *Sabah Land Development Board (SLDB)*. Skim rancangan Sungai Manila Sandakan, Skim Rancangan Apas Balung dan Penempatan Semula Gana merupakan antara program penempatan semula penduduk yang telah dilaksanakan.

Pelaksanaan sesebuah program penempatan semula penduduk sama ada di peringkat global ataupun dalam negara telah memberi kesan sosial, ekonomi dan alam sekitar kepada penduduk yang terlibat. Misalnya, *Asian Development Bank (1998)* menyatakan kesan penempatan semula penduduk melibatkan kehilangan aset fizikal dan bukan fizikal, termasuk rumah, komuniti, tanah, sumber yang mendatangkan pendapatan, kawasan budaya, struktur sosial, jaringan dan hubungan, dan identiti budaya. Keadaan tersebut menyebabkan kehidupan peserta telah terganggu setelah mereka berpindah ke kawasan penempatan yang baru. Justeru itu, adalah penting untuk melakukan penilaian pelaksanaan sesebuah program penempatan semula penduduk untuk meminimumkan kesan negatif kepada penduduk yang terlibat.

Selaras dengan trend global pada masa kini, pembangunan mampan telah menjadi satu perkara yang penting yang telah diperjuangkan di kebanyakan negara-negara di dunia untuk mengatasi masalah yang wujud akibat daripada pembangunan dalam skala yang besar terutamanya di kawasan luar bandar. Konsep pembangunan mampan telah diperkenalkan setelah Laporan Brundtland diterbitkan pada tahun 1987. Pembangunan mampan merupakan satu konsep yang menekankan pembangunan yang dijalankan pada masa kini tidak mengganggu keupayaan generasi pada masa hadapan untuk memenuhi keperluan mereka

(WCED, 1987). Seterusnya, konsep ini telah berkembang pada tahun 2015 dan kenali sebagai agenda pembangunan mampan 2030 dan menekankan 17 matlamat pembangunan mampan yang utama.

Seterusnya, satu pendekatan telah diperkenalkan yang berkaitan dengan pembangunan mampan iaitu *Sustainable Livelihood Approach (SLA)*. *Department for International Development (DFID)* merupakan satu agensi yang sering menggunakan pendekatan ini sebagai metodologi untuk mengkaji pembangunan mampan. Pendekatan ini digunakan untuk mengenal pasti, merancang dan menilai inisiatif baru seperti projek dan program, menilai semula aktiviti sedia ada, dan untuk penyelidikan (Ashely dan Carney, 1999). Penggunaan pendekatan ini akan dapat membantu untuk memahami kesan pelaksanaan sesebuah program pembangunan dalam skala yang besar kepada penduduk terlibat seperti kesan penempatan semula kepada penduduk yang terlibat.

Dalam konteks kajian, fokus utama ialah untuk melihat impak Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID) kepada aset penghidupan peserta terlibat. Kajian ini akan menggunakan SLA sebagai kerangka untuk memahami kajian tetapi hanya akan memfokuskan bahagian aset penghidupan yang terdapat dalam SLA. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan aset penghidupan yang terdiri daripada lima komponen iaitu aset manusia, aset sosial, aset fizikal, aset alam sekitar dan aset kewangan untuk menjelaskan impak pelaksanaan GRID kepada peserta yang terlibat.

1.2 Permasalahan Kajian

Penempatan semula penduduk merupakan satu fenomena yang telah mendapat perhatian di peringkat global. Peningkatan penempatan semula penduduk yang telah berkembang pesat di seluruh dunia disebabkan oleh campur tangan kerajaan dalam pembangunan (Pankhurst, 1992). Pelaksanaan program-program pembangunan berskala besar seperti pembinaan empangan telah memandu kepada penempatan semula penduduk yang terjejas akibat pelaksanaan program tersebut. Cernea (2000) menjelaskan pelan penempatan semula yang baik ialah kerajaan seharusnya bertanggungjawab kepada hak penduduk terlibat, melindungi

kepentingan komuniti dan memberi perlindungan kepada alam sekitar. Perkara tersebut menjelaskan pihak kerajaan seharusnya membuat polisi dan dasar mengenai sesebuah plan penempatan semula secara menyeluruh yang tidak hanya melibatkan kepentingan kerajaan, tetapi juga melibatkan kepentingan komuniti dan kelestarian alam sekitar.

Di Malaysia misalnya, terdapat beberapa program penempatan semula penduduk yang telah dilaksanakan seperti penempatan semula FELDA , penempatan semula Orang Asli di semenanjung Malaysia dan penempatan semula penduduk akibat pembinaan empangan Bakun di Sungai Asap, Sarawak. Walau bagaimanapun, kebanyakan program penempatan semula penduduk tersebut bertujuan untuk memajukan sosioekonomi peserta yang terlibat atau hanya untuk memindahkan penduduk yang terkesan akibat daripada pelaksanaan sesebuah projek. Pelaksanaan sesebuah penempatan semula juga telah memberikan implikasi kepada golongan sasaran kerana mereka ditempatkan di luar persekitaran asal mereka yang kadang-kala tidak menghiraukan kelangsungan hidup golongan tersebut di kawasan persekitaran baru mereka (Rahimah, 2000). Keadaan tersebut menyebabkan kehidupan penduduk yang terlibat telah terganggu dan akhirnya perpindahan mereka ke kawasan penempatan semula membawa kepada impak yang negatif bukan sahaja kepada generasi semasa tetapi juga kepada generasi masa hadapan mereka.

Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk menilai impak pelaksanaan sesebuah program penempatan semula penduduk supaya dapat meminimumkan impak negatif kepada penduduk yang terkesan akibat daripada pembangunan yang berskala besar terutamanya di kawasan luar bandar. Hal ini kerana konsep pembangunan mampan tersebut menekankan pembangunan yang dijalankan haruslah memenuhi keperluan pada masa kini tetapi tidak mengganggu generasi masa hadapan untuk memenuhi keperluan mereka (*United Nations General Assembly*, 1987). Oleh itu, dengan melakukan penilaian tersebut akan dapat mengenal pasti impak pelaksanaan sesebuah program penempatan semula terutamanya impak negatif dan seterusnya membuat pembaikan sesebuah program penempatan semula agar matlamat pembangunan mampan dapat dicapai.

Seterusnya, satu pendekatan yang sering digunakan untuk menilai impak pelaksanaan program penempatan semula ialah *Sustainable Livelihood Approach (SLA)*. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mengenal pasti, merancang dan menilai inisiatif baru seperti projek dan program, dan menilai semula aktiviti sedia ada. Salah satu bahagian yang ditekankan dalam pendekatan ini ialah aset penghidupan yang terdiri daripada lima aspek utama iaitu aset manusia, aset fizikal, aset semula jadi, aset sosial, dan aset kewangan. Hal ini kerana aset penghidupan penduduk merupakan salah satu aspek yang penting untuk mencapai matlamat pembangunan mampan. Selanjutnya, kajian-kajian yang menilai impak penempatan semula kepada aset penghidupan telah banyak dijalankan. Misalnya, Vilayvanh (2012) menggunakan aset penghidupan untuk melihat potensi penempatan semula dan pemulihan penghidupan bagi mencapai kelestarian penghidupan penduduk yang terkesan dengan pembinaan empangan Nam Theun 2, Laos. Manakala, Peter (2013) pula menggunakan aset penghidupan untuk melihat status penghidupan semasa di penempatan semula komuniti di Nambia.

Walaupun bagaimanapun, di Malaysia kajian yang dijalankan untuk melihat impak penempatan semula telah banyak dijalankan tetapi kajian yang melihat secara terus kepada aset penghidupan masih kurang dijalankan. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Zainal dan Seo terhadap penempatan semula Orang Asli hanya berfokus kepada isu konflik tanah adat Orang Asli. Begitu juga, dengan kajian yang dijalankan oleh Selvi dan Katiman (2012) yang lebih memfokuskan kepada isu sosial yang dihadapi oleh isi rumah setelah mereka berpindah ke penempatan baru iaitu Taman Permata Dengkin, Selangor. Keadaan ini menyebabkan ketiadaan pengelasan yang jelas untuk menilai impak sesebuah program penempatan semula penduduk. Justeru itu, dengan menggunakan aset penghidupan akan dapat memudahkan untuk menilai impak penempatan semula penduduk melalui pengelasan aset penghidupan seperti impak kepada aset manusia, aset sosial, aset fizikal, aset semula jadi dan aset kewangan.

Oleh itu, perkara ini menarik minat pengkaji menjalankan kajian untuk mengetahui adakah pelaksanaan program penempatan semula penduduk telah memberikan impak kepada aset penghidupan (*livelihood asset*) peserta terlibat di Malaysia. Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID) telah dipilih sebagai kawasan kajian kerana penempatan semula ini merupakan program pembangunan luar bandar bagi penempatan semula penduduk untuk perlindungan hutan di Sabah (Sabah Forestry Department, 2008). Selain itu, Aset penghidupan dipilih kerana kajian impak penempatan semula penduduk yang melihat secara terus kepada aset penghidupan masih kurang dijalankan di Malaysia dan Sabah khususnya. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji impak pelaksanaan Program Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID) kepada aset penghidupan peserta yang terlibat.

1.3 Persoalan kajian

Terdapat tiga persoalan yang telah dibentuk untuk memandu kajian ini iaitu:

1. Apakah perubahan ke atas aktiviti sosioekonomi peserta sebelum dan selepas pelaksanaan Program Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID)?
2. Adakah Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID) telah memberikan impak kepada aset penghidupan (*livelihood assets*) peserta GRID?
3. Apakah langkah yang sesuai untuk memantapkan Program Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana (GRID) untuk meningkatkan aset penghidupan (*livelihood assets*) peserta terlibat?

RUJUKAN

- Adi Jaafar (2013). *Kesan Pembangunan Ke Atas Kejadian Banjir Di Lembangan Sg. Menggatal Kota Kinabalu, Sabah*. Tesis Sarjana. Sekolah sains Sosial, UMS. (Tidak diterbitkan).
- Agba. A.M. Ogaba *et al* (2010). Socio-Economic and Cultural Impacts of Resettlement on Bakassi People of Cross River State, Nigeria. *Studies in Sociology of Science*. Vol 1:50- 53.
- Ahmat Adam dan Saidatul Nornis Hj. Mahali (2012). *Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Akpanudoedehe, J. J. (2010). Socio-economic and Cultural Impacts of Resettlement on Bakassi People of Cross River State Nigeria. *Unpublished Seminar Paper Presented at the Department of Sociology University of Calabar, Calabar – Nigeria*.
- Ang Kean Hua (2016). Pengenalan Rangka Kerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Suatu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Science and Humainties*. Vol 1: 17 -23.
- Ashley, Caroline and Carney, Diana (1999). *Sustainable Livelihoods: Lessons From Early Experience*. Department of International Development, London.
- Asian Development Bank (2008). *Handbook on Resettlement: A Guide to Good Practice*. Asian Development Bank: Philippines.
- Carney Diana (1998). *Sustainable Rural Livelihoods: What Contribution Can We Make?*. Department of International Development. Russell Press Ltd: Nottingham.
- Cernea, M. M. (2000). Socio-economic and Cultural Approaches to Involuntary Population Resettlement. Online Publication Available at:

<http://www.ilec.or.jp/pubs/guideline/chapter/vol.2>. Retrieved 12/5/10, pp. 177-188.

Chambers, Robert dan Gordon Conway (1991). *Sustainable Rural Livelihoods: Practical Concepts for the 21st Century. IDS discussion paper 296*. Brighton: UK.

Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Mcgraw-Hill Education.

Cohen, J. (1992). Statistical Power Analysis. *Current Directions in Psychological Science*. 1(3), 98-101.

DFID (1999). *Sustainable Livelihood Guideline Sheets*. Department for International Development.

E.D.Oruonye (2012). An Assesment of the Socio-Economic Impact of Urban Development – Induced Resettlement Scheme in Nigerian Cities: A Case Study of the Nyamusala – ATC Road Construction in Jalingo Metropolis, Taraba State. *International Review of Social Sciences and Humanities* (3):1-9.

Farrington John *et al.* (1999) *Sustainable Livelihoods in Practice: Early Applications of Concepts in Rural Areas*. Overseas Development Institute.

Faustina Oforiwa Bessy dan Prince Olando Tay (2015). Resettlement Induced Secondary Poverty in Developing Countries. *Developing Country Studies* (5): 170-178.

Hardawati Yahya *et al.* (2012). Perspective on Forest Conservation: A Case Study of Community at Gana Resettlement and Integrated Development (GRID), Sabah, Malaysia. *Journal of Forest Science*. Vol 28: 185-193.

Hasan Mat Nor (1989). Pengumpulan Semula Orang Asli di Betau: Satu Penelitian Ringkas. *Akademika* 35: 97 – 112.

- International Finance Corporation (2002). *Handbook for Preparing a Resettlement Action Plan*. Washington, USA.
- Jalalian Hamid (2013). Reviewing the Experience of Rural Settlement Planning for Endangered Villages, With a Look at Safi Resettlement Plan in Minoodasht (Nort Iran). *Journal of Research and Rural Planning (4)*:37- 40.
- Jamalunlaili Abdullah *et al.* (2015). Orang Asli Resettlement in Urban Environment at Bukit Lanjan, Selangor, Malaysia. *Procedia- Social and Behavioral science* 201: 71-79.
- Jennifer A. Elliott (2006). *An Introduction to Sustainable Development (3rd Edition)*. Routledge: London and New York.
- Joop J. Hox dan Hennie R. Boeije (2005). Data Collection: Primary vs Secondary. *Encyclopedia of Social Measurement Vol (1)*: 593 -599.
- Katiman Rostam *et al.* (2011). *Impak Pembangunan Bandar Baru Nusajaya Wilayah Iskandar Malaysia Terhadap Kesejahteraan Hidup Penduduk Asal Setempat. Malaysia Journal of Society (7)*:14-28.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2010). *Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah*. Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar: <http://www.rurallink.gov.my/program-pemajuan-kawasan-ppk-tw/> Di akses 19 November 2018.
- Lasse Kartz (2001). *The Sustainable Livelihood Approach to Poverty Reduction: An Introduction*. Swedish International Development Cooperation Agency.
- Navarra, M.Q *et al.* (2014). Short-Term Risk Experience of Involuntary Resettled Households in the Philippines and Indonesia. *Habitat International (41)*. 165-175.

- M. Shuid, A. (2011). *Pembangunan dan Perubahan Sosioekonomi Suku Kaum Semai di Kampung Changkat Bintang, Slim River*. Projek Penyelidikan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- McDonald, B. D. (2006). *From Compensation to Development: Involuntary Resettlement in the People Republic of China*. University of Melbourne: Australia.
- Mohd. Jaafar Nyiro (1996). *Result of the Social Base-Line Survey Forest Management Unit No. 3 Kota Marudu*. Forestry Department: Malaysia.
- Mona Haidar (2009). *Sustainable Livelihood Approaches: The Framework, Lessons Learn From Practice and Policy Recommendations*. Economic and Social Council, UNDP.
- Oberiri Destiny Apuke (2017). Quantitative Research Methods A Synopsis Approach. *Arabian Journal of Business and Management Review*. Vol 6 (10): 40-47.
- Pankhurst, A. (1992). *Resettlement and Famine in Ethiopia: The Villagers' Experience*. Manchester and New York: Manchester University Press.
- Peter Ndeilenga (2013). *Assessing the Current Livelihood Status of the Resettled San Community: The Case of Sustainable Livelihoods Project for Brave Resettled Community in Kavango-West Region, Namibia*. Wageningen, Netherlands.
- Racheal Emas (2015). *The Concept of Sustainable Development: Definition and Defining Principle*. Florida International University.
- Rahimah Abd. Aziz (2000). Pembangunan, Petempatan Semula dan Ketakaturan Sosial. *Isu-Isu Pembangunan Sosioekonomi*. 21-23.

- Richard English and Frederick E. Brusberg. (2002). *Handbook for Preparing a Resettlement Action Plan*. International Finance Cooperation: Washinton, Dc.
- Riduwan (2012) *Skala Pengukuran Variable-variable: Penelitian*. Alfabeta, Bandung.
- Roberts W. Kates (2005). What is Sustainable Development: Goals, Indicator, Value and Practice. *Issue of Environment: Science and Policy for Sustainable Development (47)*: 8-21.
- Sabah Forest Enactment, 1968.
- Sabah Forestry Department (2008). *Annual Report 2008*. Sabah Forest Department, Sandakan.
- Scoones (1998). *Sustainable Rural Livelihood: A Framework for Analysis*. IDS:New York.
- Selvi Narayanan dan Katiman Rostam (2012). Impak Sosial Pembangunan Bandar Baru Putrajaya terhadap Penduduk Asal: Kes Isi Rumah yang Dipindahkan ke Taman Permata, Dengkin, Selangor. *Malaysia Journal of Society and Space 8 (4)*:75-87.
- Silvi Nur Oktalina, San Afri Awang, Slamet Hartono dan Priyono Suryanto (2016). Pemetaan Aset Penghidupan Petani dalam Mengelola Hutan Rakyat di Kabupaten Gunung Kindul. *Manusia dan Lingkungan (23)* : 58 – 65.
- Sukhan Jackson and Adrian Sleigh (2000). Resettlement for China's Three Gorge Dam: Socio-Economic Impact and Institutional Tensions. *Communist And Post-Communist Studies (33)* : 223-241.
- Terefe Zeleke and Melesse Asfaw (2014). The Contribution of Rural Resettlement to the Livelihoods of Settlers in Ethiopia: A Case of Essera District Resettlement Schemes in SNNPR. *Public Policy and Administration Research (4)*: 36 -52.

Terminiski, (2012). *Mining Induced Displacement and Resettlement: Social Problems and Human Rights Issues*. Geneva.

UNHCR (2006). Modelling of Organization, Services and Reception Of Refugees. Accessed on 10 March 2017; Available at: <http://www.mostproject.Fi/English/about-the-project/resettlement/>.

WCED (1987). *Our Common Future. World Commission on Environment and Development*. Oxford University Press.

Welyne Jeffrey Jehom (2008). *Development and Displacement: Kenyah- Badeng in Bakun Resettlement Malaysia*. University Of Bonn. (Not Publish).

Yamane (1967). *Statistics: An Introductory Analysis*. New York: Harper and Row.

Yusof, R. (2010). *Asas Sains Sosial : Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Zulhilmi Zainal Abidin dan Seow Ta Wee (2013). Isu Konflik Tanah Adat bagi Orang Asli di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Geografi Dan Alam Sekitar*. UPSI.